

## PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

NOTIS TAWARAN BILANGAN : HMSF/TDR/04/2017

TAJUK: PROPOSAL FOR THE PROVISIONS OF TANK CLEANING AND WASTE DISPOSAL  
HMSF'S FUEL STORAGE NO:1, NO:2, NO:3 AND NO:4

### Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan mempunyai kepakaran dalam mengendalikan dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penurapan semula Jalan Raya Hangar2.
2. Dokumen tawaran yang berharga **\$30.00** (tidak akan dikembalikan samada berjaya atau tidak) bolehlah diperolehi daripada Unit Pemantauan, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lebuhraya Rimba, Bandar Seri Begawan BB 2513, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian telefon 2460043 Ext. 2109 & 2180. Tarikh akhir mengambil borang tawaran adalah pada **24 Julai 2017**.
3. Syarikat-Syarikat mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan pembekal Kementerian Pembangunan semasa melakukan pembayaran.
4. Syarikat-Syarikat mestilah mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam pelaksanaan seperti berikut;
  - i. Perkhidmatan mengutip bahan buangan/sisa berbahaya (Hazardous waste collection).
  - ii. Perkhidmatan pembuangan dan kitarsemula (Disposal and recycling services).
  - iii. Membuat pengurusan dan pentadbiran kepada berbagai bagai buangan/sisa sisa bahan industri berbahaya dan tidak berbahaya (Industrial hazardous and non-hazardous wastes).
5. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.
6. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang, **Isnin, 07 Ogos 2017**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
8. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
9. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh **180** hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
10. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan: LTN/4(39/1997).
11. Kerajaan Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.